



LILA  
UNENDING  
PLAY BY  
JANE LEE

18 MAY  
—  
24 SEP 2023

TANJONG  
PAGAR  
DISTripark

## *Lila: Mainan Tanpa Kesudahan oleh Jane Lee*

Penerokaan tentang apa itu lukisan dan kaitannya dengan seni kontemporari menjadi teras amalan Jane Lee. Dilatih dalam gaya catan klasik, penerokaan medium seni beliau sama-sama berakar umbi dalam sejarah seni dan bersifat peribadi. Bagi artis ini, pencarian sifat lukisan juga suatu pencarian identitinya sendiri, yang dibentuk oleh pelbagai pengalaman dan pengaruh semasa beliau menetap dan bekerja di Asia Tenggara.

Karya-karya Lee merupakan kanvas yang lapisan maknanya padat serta mempunyai nilai sentuh yang tinggi, mencerminkan eksperimen beliau dengan bahan dan teknik yang diilhamkan oleh gerak-geri harian (memotong, mencuci, mencanai, mencedok, dll.), barang-barang biasa (beg paiping, pengikis, picagari, dll.) serta ciri-ciri dan sifat-sifat komponen asas lukisan (kanvas, peregang, cat).

Kes spontan, kesempatan dan permainan menyanga proses lukisan Lee.


Kanvas-kanvas dan lapisan-lapisan tumpukan cat dibiarkan terjurai, mengelupas, terkulai ke tanah atau menembusi dinding-dinding, melebarkan ruang catan ke persekitaran terdekatnya.

*Lila: Mainan Tanpa Kesudahan (Lila: Unending Play)* oleh Jane Lee memperluaskan kemungkinan makna sebenar sesbuah pameran lukisan dan memancarkan keseronokan, bukan hanya dalam karya itu sendiri tetapi dalam hubungan ruang antara penonton dan karya-karya tersebut. Pameran ini meneruskan penerokaan Lee tentang apa sesuatu lukisan itu dan apa yang ia mungkin boleh menjadi: sebagai permukaan, objek, bentuk atau interaksi antara ruang dengan deria rasa yang saling mempengaruhi

## Mengenai artis

Jane Lee terkenal dengan penerokaan bahan dan konsep dalam amalan melukis. Karya-karyanya sering berlapis padat dan berat dari segi fizikal dan visual, menjadikannya seperti arca. Melangkaui gerak-geri dan alat pelukisan yang biasa, pergerakan dan proses harian terkandung dalam karya-karya beliau. Banyak lukisannya seolah-olah bergerak: jatuh, menebar, tergantung atau meluncur. Bagi Lee,

lukisan bukanlah terdiri daripada cat yang disapukan pada permukaan dan terlingkung dalam batas yang ditetapkan sahaja tetapi apa yang meresap ke dalam ruang sekelilingnya juga. Minat terhadap kaitan lukisan dengan ruang ini telah mendorong beliau untuk bereksperimen dengan bahan lukisan baharu, termasuk tanah liat, simen dan keluli tahan karat.



- 1** *Lila: Mainan Tanpa Kesudahan (Lila: Unending Play)*  
2023  
Media campuran  
Ditempah oleh Muzium Seni Singapura
- 2** *Memuji Kegelapan (In Praise of Darkness)*  
2023  
Cat akrilik, gel pekat atas kayu  
Ditempah oleh Muzium Seni Singapura
- 3** *Berongga dan Kosong (Hollow and Empty)*  
2023  
Keluli tahan karat kemasan cermin, cat poliuretana, kayu, akrilik  
Ditempah oleh Muzium Seni Singapura

- 4A** *Objek I (The Object I)*  
2011  
Media campuran pada kayu  
Koleksi Muzium Seni Singapura
- 4B** *Objek II (The Object II)*  
2011  
Media campuran pada kayu  
Koleksi Muzium Seni Singapura
- 4C** *Fetisy-Putih II (Fetish-White II)*  
2011  
Cat akrilik, gel pekat akrilik pada kanvas  
Koleksi Seni Istana
- 5** *Status*  
2009  
Media campuran  
Koleksi Muzium Seni Singapura  
Diperoleh dengan sokongan BinjaiTree Foundation sebagai penghormatan kepada Chia Yew Kay

**1** *Lila: Mainan Tanpa Kesudahan (Lila: Unending Play)*  
2023  
Media campuran  
Ditempat oleh Muzium Seni Singapura

**2** *Memuji Kegelapan (In Praise of Darkness)*  
2023  
Cat akrilik, gel pekat atas kayu  
Ditempat oleh Muzium Seni Singapura

**3** *Berongga dan Kosong (Hollow and Empty)*  
2023  
Keluli tahan karat kemasan cermin, cat poliuretana,  
kayu, akrilik  
Ditempat oleh Muzium Seni Singapura

Artis ini mencari inti sari kehidupan dan “kehidupan dalam lukisan” dalam koleksi karya-karya ini, menguji batas-batas yang dianggap sebagai catan dan tempat ia mungkin wujud. Dalam karya-karya ini, ruang, cahaya, pantulan dan bayang-bayang adalah medium dan penampilan ini semua beralih mengikut badan-badan pemerhati yang bergerak dan tatapan mereka yang beralih-alih. Diletakkan di dalam satu siri bilik, objek-objek yang dipamerkan — yang biasanya akan dianggap keseluruhan karya seni — menghilang ke dalam kegelapan. Hanya pemerhati yang tajam daya pemerhatiannya akan menemui permukaan pelukisan yang kaya, ciri-ciri karya seni artis ini. “Lukisan-lukisan” ini menentang penghasilan semula dan dokumentasi kerana ditentukan oleh pengalaman secara langsung dan hubungan zahir antara karya seni dengan pemerhati.

**4A** *Objek I (The Object I)*  
2011  
Media campuran pada kayu  
Koleksi Muzium Seni Singapura

**4B** *Objek II (The Object II)*  
2011  
Media campuran pada kayu  
Koleksi Muzium Seni Singapura

Cat dalam *Objek I* dan *Objek II* telah terlepas dari kanvasnya untuk menjadi suatu entiti fizikal, menuntut untuk didekati dari sudut dan perspektif yang berbeza. Karya-karya ini meneroka bagaimana catan biasanya dianggap sebagai mod dua dimensi bagi representasi dan ungkapan. Tindakan “mengoyak” sebahagian daripada “kanvas” mencabar andaian kita tentang apa yang menjadikan sebuah gambar dengan memberinya kewujudan fizikal. “Tumpukan” cat inilah yang memberi karya-karya seni itu ciri yang membela rasa dan menambah kerumitan pada permukaan yang kaya dan multidimensi, rona-rona halus dan tekstur yang bervariasi.

**4C** *Fetisy-Putih II (Fetish-White II)*  
2011  
Cat akrilik, gel pekat akrilik pada kanvas  
Koleksi Seni Istana

“Karya-karya dalam siri *Fetisy* saya dicipta menggunakan kulit cat kering, yang telah saya temukan semasa saya membersihkan palet saya pada suatu hari dan berjaya mengeluarkan lapisan tebal sisa cat kering dari palet saya. Saya fikir ia sesuatu yang cantik dan tidak dijangka. Saya kemudian mencipta semula sisa-sisa itu dan menggulungnya untuk menjadikan roset-roset, memotong dan menghirisnya seperti bawang, dan melekatkan semula ke atas kanvas. Ini suatu proses pembinaan, peleraian dan pembinaan semula.” — Jane Lee

*Fetisy*, salah satu siri Lee yang paling terkenal, menampilkan pelbagai tekstur dan warna indah yang terbuat daripada cat kering yang dipotong, digulung dan dibentuk. Bermula pada 2009, eksperimen-eksperimen dengan cat dalam keadaan yang berbeza ini — cecair, pepejal, kental — membebaskan beliau dari sempadan bingkai dan mendorongnya untuk lebih spontan berkarya dengan ruang yang menempatkan catan-catan tersebut. Ini membolehkan beliau mengembangkan amalan kecaraan dan ruang dalam amalan melukisnya.

**5** *Status*  
2009  
Media campuran  
Koleksi Muzium Seni Singapura  
Diperoleh dengan sokongan BinjaiTree Foundation sebagai penghormatan kepada Chia Yew Kay

Dibuat apabila Lee mengambil bahagian dalam Singapore Biennale 2008 dengan lukisan berskala besar pertamanya bertajuk *Kanvas Mentah (Raw Canvas)*, *Status* melambangkan renungan Lee mengenai amalan seni kontemporari pada masa itu, apabila pameran-pameran utama antarabangsa dilihat sebagai lebih cenderung kepada seni instalasi dan medium seni lain yang sedang berkembang. Sebagai satu-satunya pelukis yang disertakan dalam *Singapore Biennale 2008*, Lee mempersoalkan “status” lukisan dan mencuba menempatkan amalan lama ini dalam bidang seni kontemporari dengan perbuatan menanggalkan permukaan lukisan tersebut.

Dalam *Status*, Lee dengan teliti telah menenun cat ke dalam tekstil yang besar dan mewah. Lukisan ini mempertikaikan salah tanggapan umum bahawa lukisan adalah objek yang berbingkai dan dua dimensi; permukaannya dikupas dari dinding dan dibiarkan terkulai, bertimbun di lantai seolah-olah ia suatu representasi yang berlebihan. Namun, karya tersebut masih berpaut pada dinding, enggan melepaskan statusnya sebagai sebuah “lukisan”, sebagai suatu imej. Di sini, karya ini melambangkan penentangan terhadap obsesi pada sebuah gambar yang telah siap dan pembebasan daripada batas-batas lukisan. Dilucutkan daripada titik fokusnya, apa yang tinggal daripada lukisan itu ialah kekosongan tetapi juga ruang untuk makna yang tiada batasan.